

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM COB - Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz
Sent: Monday, November 26, 2018 3:17 PM
To: UUM - All Staff
Cc: Norimah binti Alias; Dr. Zaimah Binti Abdullah
Subject: TISSA ONLINE: MAJLIS MAKAN MALAM ALUMNI PERAKAUNAN UUM 2018



Pusat Pengajian Perakaunan
Tunku Puteri Intan Safinaz
TUNKU PUTERI INTAN SAFINAZ
SCHOOL OF ACCOUNTANCY
Universiti Utara Malaysia

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

dan Salam Sejahtera

26 NOVEMBER 2018 | 18 RABIULAWAL 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/YBrs. Prof/Prof. Madya/Dr/Tuan/Puan/Cik

MAJLIS MAKAN MALAM ALUMNI PERAKAUNAN UUM 2018



TISSA-UUM ONLINE: Bersempena dengan majlis konvokesyen Universiti Utara Malaysia yang ke-31, TISSA-UUM telah menganjurkan Majlis Makan Malam Alumni Perakaunan UUM bertempat di Hotel EDC UUM, Kuala Lumpur pada 17 November 2018 lalu. Tema yang dipilih ialah "Let's Re-engage and Link up" meriah dengan kehadiran tetamu hampir 170 orang. Ini termasuk tetamu kehormat yang terdiri daripada mantan-mantan dekan sekolah perakaunan yang telah melalui pelbagai fasa perubahan dalam pentadbiran dan juga pernah wujud dengan pelbagai nama sebelum dikenali sebagai TISSA-UUM pada hari ini. Di antara yang hadir ialah Prof. Noor Azizi Ismail, Timbalan Ketua Pengarah KPT, Prof. Datuk Mustafa Hanefah, Prof Madya Abdul Latif b. Shaikh Mohamed, Prof Kamil Md Idris dan Prof Ayoub Che Ahmad.

Pada malam tersebut, para tetamu dari pelbagai kumpulan tahun graduasi dilihat sangat teruja bertemu kembali dengan rakan-rakan kampus dan juga pensyarah-pensyarah yang pernah menjadi tulang belakang kepada kejayaan mereka. TISSA-UUM selaku pihak penganjur mengambil inisiatif dan peluang ini untuk mengembalikan memori kampus kepada para alumni dengan menayangkan kembali gambar-gambar lama kampus yang ternyata memberi kesan nostalgia yang mendalam kepada mereka. Selain itu, perkembangan yang berlaku sepanjang penubuhan sekolah perakaunan sehingga ke hari ini turut dikongsi bagi memberikan gambaran kepada para alumni tentang perubahan-perubahan yang telah dilalui oleh alma mater mereka.

Majlis ini berkonsepkan pakaian 'smart-casual' dalam warna eksklusif iaitu 'black and gold' dijalankan secara santai dengan menekankan elemen interaksi antara alumni sesama alumni dan juga para pensyarah. Ternyata kemeriahan terasa dan para tetamu tidak berhenti bersembang dalam suasana mesra dan penuh nostalgia. Majlis tersebut juga telah memberi penghargaan kepada dua orang alumni iaitu YM Raja Azura Raja Mahayuddin dan Dato' Dr. V. Shanmughanathan di atas sumbangan mereka kepada TISSA-UUM. Diharapkan dengan penghargaan yang diberikan ini akan memberi inspirasi agar pada masa hadapan akan ada lebih ramai lagi alumni yang bersedia untuk kembali ke kampus berkongsi pengalaman dan kepakaran mereka kepada pelajar-pelajar perakaunan di TISSA-UUM.

Dekan TISSA-UUM dalam ucapan aluan mengalu-alukan sokongan dan sumbangan semua alumni kepada alma mater dan berharap majlis ini menjadi platform untuk meningkatkan jaringan dan mengeratkan lagi hubungan. PM Dr Natrah Saad, Pengerusi JK Pelaksana, dan Dr. Ahmadasri b. Alaudin, Pengarah projek, melahirkan rasa syukur dengan perjalanan keseluruhan Majlis dan sambutan yang diberikan oleh alumni dan bekas-bekas dekan dan staf.

PEJABAT DEKAN
PUSAT PENGAJIAN PERAKAUNAN TUNKU PUTERI INTAN SAFINAZ (TISSA-UUM)
KOLEJ PERNIAGAAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL: 604-928 7213/7214
FAKS: 604-928 7216

DEAN OFFICE
TUNKU PUTERI INTAN SAFINAZ SCHOOL OF ACCOUNTS
COLLEGE OF BUSINESS
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL: 604-928 7213/7214
FAX: 604-928 7216



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.